

## **ABSTRAK**

Disertasi ini merupakan satu kajian terhadap Dayah Mudi Mesra di Aceh sebagai sebuah institusi agama Islam yang memberikan pengajaran dan kefahaman kepada masyarakat mengenai nilai-nilai agama Islam.

Objektif utama daripada kajian ini ialah untuk membahaskan metodologi dakwah yang dilakukan oleh Dayah Mudi Mesra di Aceh, mencakupi *da‘wah bi al-hāl* dan *da‘wah bi al-lisān* dalam pelbagai aktiviti. Dalam kaitan ini, Dayah Mudi Mesra ditinjau tidak hanya dari kemawjudannya sebagai institusi pendidikan agama Islam sahaja, tetapi secara lebih meluas lagi ia ditinjau pula dari sisi peranan dan fungsi luarannya, yang mencakupi kegiatan sosio-ekonomi dan kesannya terhadap masyarakat tempatan dalam menghadapi pelbagai cabaran dunia moden semasa serta pandangan masyarakat terhadap dayah tersebut. Untuk mengetahui metodologi dakwah dayah tersebut, dalam penyelesaian masalah penulis menggunakan metode kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Sedangkan untuk tujuan analisis pula penulis menggunakan tiga metode kualitatif, deduktif dan komperatif.

Daripada kajian yang sudah dilakukan diperolehi hasil, bahawa Dayah Mudi Mesra pada hakikatnya dengan mengamalkan dua pendekatan dakwah, iaitu *da‘wah bi al-hāl* dan *da‘wah bi al-lisān* telah melaksanakan fungsinya secara sosio- budaya dan sosio-ekonomi. Selain itu, masyarakat memandang positif terhadap kedua-dua pendekatan dakwah yang menunjukkan wujudnya kesan dayah tersebut terhadap masyarakat tempatan.